

GEJALA TRANSEKSUAL: IMPLIKASI YANG MEMBIMBANGKAN, BAGAIMANA KEPRIHATINAN KITA?

(TRANSSEXUALS SYMPTOMS: ALARMING IMPLICATIONS, HOW CONCERN ARE WE?)

MARZIANA ABD. MALIB* DAN MIMI SOFIAH AHMAD MUSTAFA

UiTM Kampus Melaka, 78000 Alor Gajah.

**Corresponding author: marziana@melaka.uitm.edu.my*

Abstrak: Kajian ini bertujuan membantu mencegah gejala atau masalah transeksual yang menular di dalam masyarakat Malaysia dewasa ini dari perspektif perundangan sedia ada. Melalui kajian dan penulisan mengenai gejala ini, penulis mendapati terdapat pelbagai punca atau faktor-faktor terjadinya gejala ini serta akibat-akibat negatif yang ditimbulkan bukan sahaja kepada individu tersebut tetapi juga kepada masyarakat amnya. Ini bermaksud masyarakat umumnya menyedari kesan buruk daripada gejala ini namun jumlah bilangan mereka yang tergolong dalam kelas transeksual ini meningkat dari tahun ke tahun. Penulisan ini akan lebih menumpukan kepada peruntukan undang-undang sedia ada di Malaysia di dalam menangani gejala ini. Penulisan ini berbentuk kualitatif melalui analisis doktrinal dari sumber primer dan sekunder. Dapatan kajian melalui temu bual pegawai dari beberapa Jabatan Agama Islam, menunjukkan tiada undang-undang spesifik yang menyeluruh untuk membendung secara efektif gejala transeksual di Malaysia kini, baik untuk yang beragama Islam ataupun yang bukan beragama Islam. Di antara penyebabnya ialah status agama seseorang transeksual itu menyebabkan undang-undang peribadinya yang dirujuk jika timbul masalah berkaitan dengannya. Peruntukan undang-undang sedia ada pula, samada sivil atau syariah, memerlukan banyak penambahbaikan untuk menangani masalah transeksual ini. Hasil kajian ini dapat memberi saranan untuk mengatasi gejala ini serta dapat membantu mengatasi masalah yang semakin serius ini bukan sahaja dengan mengambil kira kaedah penyelesaian penguatkuasaan undang-undang berbentuk deterren sahaja tetapi merujuk kepada pelbagai sudut (agama, psikologi dan lain-lain) dalam mencadangkan pindaan kepada peruntukan undang-undang sedia ada.

KATA KUNCI: Transeksual, peruntukan undang-undang, pelaksanaan.

Abstract: This study aims to prevent the symptoms or problems of transsexual that spread in the Malaysian society nowadays from the perspective of existing legislations. Through researches and writings about these symptoms, authors found that there are a variety of causes or factors contributed to the occurrence of these symptoms as well as negative consequences to individual and to society in general. People are generally well aware of the adverse effects of these symptoms, but the total number of those who belonged to the transsexual community is increasing from year to year. This paper will focus on the Malaysian existing legal provisions in tackling this issue. This is a qualitative writing with a doctrinal analysis of primary and secondary sources. Findings by interviewing officials from several Religious Islamic Departments showed no specific laws were adopted to effectively curb the symptoms of transsexual in Malaysia at present for both Muslims and non-Muslims. One of the causes is the religion of the transsexual since the personal law of such a person will be referred to when problems as such arise. The existing laws, be it the civil or syariah laws, need a lot of improvements to tackle such an issue. Results from this study can provide recommendations to overcome this serious problem by not only taking into account the method of solution in the form of law enforcement deterrents but also by referring to various factors (religious, psychological, etc.) that could be used to propose amendments to the provisions of existing law.

KEYWORDS: Transsexual, legal provisions, amendments.

Pengenalan

Gejala transeksual atau mak nyah semakin berleluasa dewasa ini. Ia bukan sahaja berlaku di antara remaja-remaja yang berpelesenan tetapi juga sehingga ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi yang kita percaya boleh membentuk peribadi dan sahsiah pelajar malahan juga lebih menyedihkan turut menyelina dalam kumpulan profesional. Sudah tentu gejala ini menjadi isu besar dan kebimbangan-kebimbangan yang bukan sedikit. Mungkin di atas kebimbangan ini, ramai pihak mula memberi respon yang aktif tidak terhad di pihak kerajaan, malahan banyak NGO ditubuhkan seperti Persatuan Peguam Muslim (PPMM), PEMBELA dan lain-lain dalam membantah dan membendung masalah ini. Lebih-lebih lagi daripada golongan ulamak dan pegawai-pegawai agama. Antara gesaan mereka, adalah meminta semua Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di negara ini memberi perhatian serius terhadap peningkatan jumlah pelajar lelaki lembut di kampus masing-masing. Mereka turut memperakui fenomena tersebut perlu dibanteras kerana jika dibiarkan, ia akan membawa limpahan masalah sosial kepada generasi akan datang.

Apa yang amat membimbangkan ialah kelompok-kelompok mak nyah yang semakin ramai di negara ini semakin aktif menubuhkan persatuan-persatuan dan menuntut hak-hak mereka di bawah undang-undang sebagai mewajarkan tindakan mereka dan seterusnya memperjuangkan hak yang sama tanpa halangan untuk melalui kehidupan sebagai orang lain, terutamanya hak untuk bebas, berkahwin dan berkeluarga. Ini bukan sesuatu yang mustahil boleh berlaku kerana di kebanyakan negara barat, hak dan perlindungan yang dituntut oleh golongan ini mendapat perhatian dan akhirnya diperakui oleh undang-undang (Mohd Yusman *et. al.*, 2004, MASS:33). Penulis berpendapat, ini sudah pasti akan menimbulkan pelbagai akibat buruk yang tidak diingini di dalam masyarakat tersebut. Antaranya berkenaan pembahagian harta, pengiktirafan terhadap perlakuan liwat, lesbian dan pelbagai lagi. Bagi orang Islam, perbuatan liwat dan lesbian

adalah dilarang keras. Demi mencegah pelbagai akibat buruk dalam masyarakat, perbuatan lelaki menyerupai wanita dianggap suatu dosa besar dalam Islam. Memandangkan kesalahan lelaki berpakaian dan berlagak seperti perempuan atau sehingga mengubah jantina tidak diperuntukkan sebagai kesalahan jenayah di dalam Kanun Keseksaan, adalah amat wajar gejala ini dibendung sementara menunggu undang-undang berkenaan isu ini digubal. Ini kerana, sekiranya tiada langkah-langkah untuk mencegah, ia boleh menimbulkan masalah yang lebih besar. Memang diakui di dalam enakmen kesalahan jenayah syariah terdapat larangan perbuatan lelaki berlagak seperti wanita dan wanita berlagak seperti lelaki. Namun demikian persoalannya adakah peruntukan undang-undang ini benar-benar dikuatkuasakan oleh pihak berwajib. Perbincangan menyentuh secara ringkas punca wujudnya gejala ini secara berleluasa, peruntukan undang-undang sedia ada serta langkah-langkah pencegahan yang dilaksanakan. Selanjutnya penulisan ini memberi saranan penambahbaikan ke atas peruntukan undang-undang sedia ada tanpa mengeneipkan kaedah pencegahan berhemah berbentuk kemanusiaan di dalam memahami dan merawat mereka untuk kembali ke pangkal jalan.

Takrifan

Fenomena transeksual ini merupakan “distorea gender” atau kata lainnya kecelaruan identiti yang mempunyai anggota kelamin tertentu namun berasa begitu yakin bahawa mereka daripada jantina sebaliknya¹. Transeksual ditakrifkan juga sebagai “*a person who feels emotionally that they want to live, dress as a member of the opposite sex, especially one who has a medical operation to change their sexual organs*” (Kamus Oxford Learner’s Fifth Edition, 1995). Dengan kata lain, ia menjurus kepada seseorang individu yang mempunyai keinginan untuk mengamalkan gaya hidup yang bertentangan dengan fitrah jantintanya.

Manakala takrifan menurut Islam, gender manusia lazimnya terbahagi kepada empat

kumpulan iaitu lelaki, perempuan, khunsa dan mukhannis atau mukhannas. Khunsa secara umumnya bermaksud dwi jantina dan sejak dilahirkan golongan ini mempunyai status identiti yang bercelaru kerana mereka dianugerahkan alat kelamin lelaki dan wanita. Golongan mukhannas pula adalah golongan yang terlalu berkeinginan untuk memiliki jantina yang lain daripada jantina asalnya. Golongan ini boleh digolongkan dalam kelompok yang mengalami masalah psikologi kerana naluri mereka jauh bertentangan dengan sifat jasmani mereka. Dalam hal ini, mereka terlalu berkeinginan menjadi wanita dan menaruh kebencian terhadap identiti kelakian yang mereka miliki. Manakala golongan mukhannis pula, mereka adalah golongan lelaki yang memiliki sifat kewanitaan yang tinggi. Namun tidak sanggup melakukan sebarang pembedahan jantina. Golongan ini semakin meningkat bilangannya dalam masyarakat, namun rata-rata masyarakat hanya memandang rendah tentang isu peningkatan lelaki lembut atau mukhannis ini (Md.Ali, 2002).

Faktor dan Punca Wujudnya Golongan Transeksual

Faktor dan punca-punca yang klishe atau biasa ke atas apa jua masalah sosial ialah pengaruh didikan ibu bapa, sebagai contoh, ibu yang sangat teringinkan anak perempuan tetapi yang lahir adalah lelaki, telah dengan tanpa rasa bersalah membesarkan anak tersebut dengan gaya dan cara hidup seorang perempuan (Metro, 20/07/2003).

Seterusnya, krisis identiti zaman remaja di mana ketika inilah mereka mencari-cari identiti mereka dan terikut-ikut dengan apa yang ada di sekeliling. Melalui satu temu bual yang dijalankan, responden mendakwa beliau terjebak ke kancah transeksual kerana dalam keluarga beliau semuanya perempuan dan merasa lebih senang dan selesa bergaul dengan perempuan seterusnya terikut-ikut gaya dan cara mereka (temu bual dibuat di kelas secara spontan dengan pelajar penulis sendiri). Di peringkat remaja, ibu bapa akan menghadapi kesukaran untuk mengawal². Keadaan menjadi bertambah

buruk apabila pengaruh dari media massa dan media elektronik yang semakin canggih tanpa sempadan; laman sosial seperti Facebook, Twitter dan MySpace dijadikan medium untuk mereka berkomunikasi dengan mudah dan bersatu di dalam mengumpulkan pengaruh dan merancang aktiviti bersama dengan mudah tanpa batasan. Di sini jugalah pemilihan rakan sebaya menjadi faktor bertambahnya golongan transeksual ini (Shamsudin Sohor, 1994).

Faktor klimaks yang amat membimbangkan yang juga boleh menjadi implikasi buruk kesan dari gejala transeksual ini, ialah apabila perbuatan mereka ini, dijadikan sebagai punca pendapatan dan melalui temu bual yang dibuat (temu bual dibuat dengan rakan penulis sendiri), mereka mengakui pendapatan mereka sangat lumayan kerana didapati semakin tinggi permintaan ke atas perkhidmatan mereka. Sekalipun khidmat itu, ada yang bermanfaat (andaman, pereka fesyen, kebudayaan) tetapi tidak kurang yang merosakkan diri dan masyarakat (aktiviti seksual). Permintaan yang tinggi ini adalah satu fenomena yang membimbangkan sekalipun khidmat yang dilanggan dari golongan ini tidak berbentuk seksual, tetapi secara tidak langsung, hakikatnya masyarakat seolah-olah mula menerima mereka dan tidak menganggap ia suatu kesalahan, malahan ada yang dilayan istimewa kerana keunikan mereka. Ini adalah sesuatu yang amat membimbangkan. Malah kesan daripada permintaan tinggi dan penerimaan secara tidak langsung masyarakat terhadap golongan ini, mereka semakin galak menubuhkan persatuan/pertubuhan sesama mereka untuk kepentingan mereka dan sudah tentu juga bergerak untuk memperjuangkan hak mereka seperti mana yang diperjuangkan di negara-negara barat yang mula mengiktiraf golongan ini. Kewujudan Persatuan "Pink Triangle" di Kuala Lumpur adalah bukti bahawa golongan transeksual ini agak serius dalam usaha mendapatkan hak mereka di negara ini (Hamdan Kadir, 2003). Kewujudan terus (survival) persatuan seumpama ini adalah disebabkan "semangat" yang dipamerkan oleh gerakan-gerakan yang menyokong kumpulan atas nama hak asasi manusia sama ada dari dalam mahupun dari luar negara.

Perbincangan, Isu dan Konflik

Oleh kerana golongan transeksual ialah orang yang mempunyai keinginan untuk menjadi jantina bertentangan daripada jantina sebenarnya, sama ada lelaki yang mahu menjadi perempuan atau perempuan yang mahu jadi lelaki, mereka lazimnya mahu menukar jantina sepenuhnya melalui pembedahan. Sejarah transeksual bermula sejak sekian lama apabila masyarakat di India-Amerika membenarkan lelaki yang mengamalkan hidup seperti perempuan untuk bersuami. Malah fenomena untuk membuang alat kelamin asal dan mengubah alat kelaminnya juga sudah berlaku sebelum abad ke-20 lagi (Andrew Calimach, 2000).

Malaysia tiada perundangan spesifik untuk diaplikasikan apabila timbul masalah mengenai transeksual ini disebabkan ia melibatkan undang-undang persendirian mak nyah berkenaan. Pertukaran jantina adalah perkara peribadi yang mempunyai sentimen agama. Oleh yang demikian, ia dikendalikan dengan merujuk kepada agama mak nyah berkenaan. Jika ia seorang Islam, maka enakmen negeri masing-masing yang akan dirujuk. Bagi yang bukan beragama Islam, mereka berada di bawah bidang kuasa pihak polis. Doktrin atau Akta yang dirujuk adalah di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955, di mana ia boleh membawa hukuman denda tidak melebihi RM25.00 sahaja jika disabitkan kesalahan³.

Di Malaysia, dianggarkan terdapat 100,000 orang lelaki transeksual yang mana 70 hingga 80 peratus adalah Melayu, selebihnya Cina, India dan golongan minoriti lain (Teh Yok Koon, 2000). Berdasarkan satu kajian oleh pengkaji Malaysia, istilah tempatan transeksual lelaki kepada perempuan sama ada menjalani pembedahan atau tidak, dipanggil mak nyah. Peningkatan peratusan transeksual dalam kalangan bangsa Melayu dan beragama Islam amat membimbangkan sedangkan terdapat peruntukan undang-undang syariah untuk melarang perbuatan tersebut berbanding transeksual yang bukan Islam yang hanya merujuk Akta Kesalahan-kesalahan Kecil

1955 seperti yang dinyatakan di atas. Faktor peningkatan peratusan golongan ini dikatakan berkait rapat dengan tumbuhnya banyak persatuan yang membela, mengiktiraf dan menghargai golongan ini. Ini menjadikan golongan ini merasa yakin, kuat dan berpengaruh walau hakikatnya melanggar fitrah.

Pada tahun 2005 terdapat lebih 50,000 lelaki mahu menukar jantina manakala pada tahun 2009, lebih 70,000 jumlah yang mendaftar untuk menukar jantina (Raja Azmi, 2009)⁴. Persoalannya, berapa pula jumlah yang tidak mendaftar? Kemusykilan yang timbul ialah bagaimana mereka boleh mendaftar untuk menukar jantina tanpa sebarang sekatan? Difahamkan Jabatan Pendaftaran Negara tidak sama sekali membenarkan pertukaran nama asal ke nama perempuan⁵. Sekiranya nama ditukar melalui angkat sumpah sekalipun, nama asal perlu dikekalkan namun penukaran status jantina tidak dibenarkan sama sekali. Adakah undang-undang bertulis untuk sekatan ini? Pada tahun 2005, pasangan Jessie Chung dan Joshua Ben Soo Kiong walau telah menjalani pembedahan jantina dan berkahwin. Beliau menyatakan tidak akan memohon kepada mahkamah untuk mengiktiraf perkahwinan mereka serta tidak memohon untuk menukar status jantinya. Beliau mengakui tetap hidup bahagia dan dapat menjalani kehidupan seperti biasa tanpa melalui kesukaran dalam urusan rasmi walau telah menukar jantina termasuk berurusan dengan Jabatan Imigresen. Beliau mendakwa, beliau hanya perlu menunjukkan kad pengenalan dan surat pengesahan pertukaran jantina dalam apa juga urusan rasmi. Persoalannya, bagaimana jika pertukaran jantina ini berlaku di kalangan orang Islam? Adakah dengan dua dokumen tersebut boleh meloloskan diri mereka untuk membuat semua urusan rasmi termasuk sebagai saksi, pembahagian harta dan lain-lain?

Pada tahun 1983, Majlis Raja-Raja telah mengeluarkan fatwa melarang pertukaran jantina untuk orang Islam, namun tidak dapat dipastikan sama ada ianya digazetkan atau tidak. Yang pasti, tiada peruntukan secara jelas dan bertulis berkenaan hal ini sehinggalah kita

merasakan pertukaran jantina boleh dilakukan tanpa sekatan tanpa mengira agama. Apa pula tindakan kita ke atas mak nyah yang menukar jantina di luar negara sekembalinya ke Malaysia? Jelas tiada peruntukan undang-undang yang boleh digunakan untuk menghukum mereka.

Difahami, proses pembedahan jantina ini, boleh dilakukan dengan kos yang munasabah di Thailand. Di Poliklinik Pratunam, Bangkok, kos pembedahannya hanya RM6743 atau AS2,000 sahaja. Di Thailand, tiada langsung undang-undang yang menghalang pertukaran jantina dan ia cuma mensyaratkan bahawa pembedahan tidak dibenarkan sekiranya mak nyah tersebut berumur bawah 18 tahun. Syarat lain ialah mak nyah itu diminta hidup sebagai wanita selama setahun selepas pembedahan; ambil pil hormon untuk menggalakkan kewanitaan serta perlu mendapat kelulusan daripada dua pakar psikiatri. Apa yang membimbangkan, peluang untuk rakyat Malaysia membuat pembedahan jantina di Thailand lebih mudah kerana lokasinya yang dekat dan kosnya yang murah. Ini akan menggalakkan lagi golongan ini, membuat pembedahan menukar jantina dan seterusnya makin bertambahlah jumlah mereka ini di Malaysia (Kosmo 2/12/2009).

Implikasi pertukaran jantina ini juga boleh dirujuk kepada kes seorang rakyat Malaysia yang bernama Mohd Fazdil bin Min Bahari dengan nama perempuannya Fatine, yang telah berkahwin secara sivil dengan seorang lelaki British, Ian Young (Bersama Mazidul, 29/11/2009). Sudah jelas Fatine melanggar undang-undang syariah dan telah pun murtad. Di sini jelas menunjukkan lemahnya penguatkuasaan undang-undang sedia ada.

Kes Mohd Ashraff Hafiz b. Abdul Aziz juga telah sekali lagi membunyikan amaran berjaga-jaga kepada kita semua mengenai isu mak nyah ini. Beliau telah menjalani pembedahan di Thailand pada 2008, dan telah berusaha memohon melalui peguamnya Harley Isaacs untuk mengesahkan bahawa beliau adalah seorang wanita. Namun permohonan menukar nama dan status jantintanya ditolak pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Permohonan beliau melalui

peguamnya untuk menukar nama kepada Aleesha Farhana dan status jantintanya turut ditolak oleh Mahkamah Tinggi yang dihakimi oleh Datuk Mohd Yazid Mustafa. Peguamnya mendakwa tiada peruntukan undang-undang yang jelas berkenaan isu ini yang mana, akhirnya kes perlu dirujuk ke mahkamah dan tertakluk kepada budi bicara mahkamah (Berita Harian 21/7/2011). Kelemahan peruntukan undang-undang secara jelas ini, boleh dimanipulasi oleh golongan ini untuk mendesak pihak mahkamah berpihak kepada mereka. Dari sudut bidang kuasa mahkamah, penulis merasakan kes mengenai pertukaran jantina tidak sepatutnya didengar oleh mahkamah sivil kerana ia melibatkan isu agama.

Daripada perbincangan ini, jelas sekali konflik yang timbul ialah peruntukan perundangan sedia ada tidak jelas dan teratur sehinggakan perlaksanaannya juga sukar dilaksanakan secara efisien. Walaupun terdapat fatwa dari Majlis Raja-Raja dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan menyimpulkan haram hukumnya menukar jantina (berdasarkan surah Al-Hujarat; 49:13 dan An-Nisa: 4:11) dan adalah haram golongan ini menukar status jantina di MyKad di samping mengharuskan golongan khunsa untuk menukar jantina dan membenarkan penukaran nama dan status jantina di MyKad, namun tiada diperuntukkan dengan jelas di dalam Enakmen Syariah negeri masing-masing.

Penulis menemubual beberapa orang pelaksana undang-undang yang bertanggungjawab mengaplikasi undang-undang sedia ada dalam tugas seharian mereka. Jabatan Agama Islam setiap negeri di Malaysia ini mempunyai bidang kuasa untuk mengambil tindakan terhadap mak nyah dalam negeri masing-masing walaupun bidang kuasa itu amat terhad. Pegawai-pegawai yang ditemubual dipilih atas dasar spesifikasi tugas mereka serta kuasa yang diperuntukkan di bawah enakmen yang berkenaan dalam setiap negeri. Sebagai contoh, Seksyen 68 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Perak) 2004 memperuntukkan;

“...Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam Negeri Perak Darul Ridzuan, seorang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama, Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Penolong-Penolong Pegawai Penguat Kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan dan penguatkuasaan kesalahan-kesalahan bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam...”

Seksyen 67 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002 juga mempunyai peruntukan yang hampir sama;

“...Majlis boleh melantik daripada kalangan anggota perkhidmatan awam am Persekutuan atau perkhidmatan bersama, seorang Ketua Pegawai Penguat Kuasa Agama dan Pegawai-Pegawai Penguat Kuasa Agama untuk menjalankan penyiasatan kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam...”

Setiap orang responden yang ditemubual dipilih berdasarkan spesifikasi tugas mereka yang memfokuskan kepada pelaksanaan peruntukan enakmen syariah negeri masing-masing. Penulis menemubual Pegawai Penguatkuasa dan Peguam Syarie yang mengendalikan kes-kes di bawah enakmen jenayah syariah di negeri masing-masing. Penulis sempat menemubual enam orang responden dari negeri Melaka, Perak, Negeri Sembilan, Johor, Perlis dan Kelantan. Soalan-soalan yang diajukan merupakan soalan berkaitan peruntukan mengenai pondan dan masalah-masalah yang timbul dalam pelaksanaan tugas berkenaan. Kebanyakan temu bual dibuat melalui telefon disebabkan masalah geografi dan penulis memerlukan data dengan cepat.

Secara amnya, terdapat beberapa keluhan daripada pegawai-pegawai berkenaan yang melaksanakan tanggungjawab mereka di bawah Enakmen Syariah negeri mengenai peruntukan perundangan sedia ada. Antara peruntukan bagi orang Islam adalah Enakmen Kesalahan Syariah

Negeri Melaka 1991, yang memperuntukkan di dalam Seksyen 72 seperti berikut;

“Seseorang lelaki yang memakai pakaian seperti perempuan dan berlagak seperti perempuan di mana-mana tempat awam tanpa alasan yang munasabah adalah merupakan satu kesalahan, boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM 1,000.00 atau penjara selama 6 bulan atau kedua-duanya sekali.”⁶

Pegawai Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Melaka memberitahu terdapat 27 kes berkaitan pondan atau mak nyah di negeri Melaka untuk sepanjang tahun 2011 dan setakat 15 Februari 2012, sudah terdapat 5 kes yang direkodkan. Semua kes berkenaan adalah disebabkan penguatkuasaan Seksyen 72 Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991 yang dinyatakan di atas. Walaupun kesalahan menyerupai mak nyah termaktub di bawah enakmen tersebut, ia adalah kesalahan tak boleh tangkap iaitu tangkapan tidak dibenarkan tanpa waran. Oleh yang sedemikian, jika terdapat mana-mana lelaki yang berpakaian seperti wanita, pihak berkuasa hanya boleh meminta supaya ia hadir ke pejabat untuk disoal siasat dan seterusnya meminta ia supaya hadir ke mahkamah untuk dijatuhkan hukuman mengikut peruntukan undang-undang. Data yang diperoleh juga menunjukkan tidak ada hukuman penjara yang pernah dijatuhkan kepada mak nyah atau pondan-pondan yang dihadapkan ke mahkamah walaupun hukuman yang boleh dikenakan adalah denda sebanyak RM1,000.00 maksimum dan/atau penjara selama 6 bulan. Namun, hakim pernah sekali menjatuhkan hukuman penjara selama 2 minggu ke atas seorang mak nyah yang sudah acap kali ditangkap atas kesalahan di bawah Seksyen 72 ini. Penulis juga diberitahu bahawa bayaran denda yang agak rendah tidak memberi kesulitan bagi kebanyakan mak nyah yang disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 72 berkenaan kerana para mak nyah ini dikatakan mempunyai persatuan mereka sendiri. Dengan bayaran yuran bulanan yang rendah, ia sudah mencukupi untuk menjadi “bantuan” bagi mereka yang

disabitkan kesalahan dan dikenakan denda oleh pihak mahkamah kerana bayaran denda itu dilangsaikan oleh persatuan tersebut.

Seorang lagi pegawai penguat kuasa yang ditemu bual ialah Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Perak yang berpendapat pelaksanaan peruntukan undang-undang mengenai mak nyah ini agak melesukan kerana denda dan hukuman yang termaktub di bawah Seksyen 55 Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992 agak rendah dan mudah untuk diperlekehkan jika dikuatkuasakan. Beliau bersependapat dengan semua pegawai penguat kuasa yang telah ditemu bual mengenai jumlah denda yang agak rendah dan hukuman penjara yang hampir tidak pernah dilaksanakan atas sebab-sebab teknikal. Pegawai berkenaan berkata, setiap hukuman itu sepatutnya lebih bersifat mendidik dan membantu golongan mak nyah ini untuk kembali ke pangkal jalan. Beliau amat percaya bahawa penubuhan pusat pemulihan yang bertujuan untuk membantu para mak nyah ini kembali kepada sifat asal mereka dijadikan oleh Allah SWT akan menyelesaikan banyak keresahan akibat gejala yang membimbangkan ini. Apabila terdapat pusat pemulihan yang bertanggungjawab secara spesifik mendukung amanah secara profesional (fizikal dan lahiriah) bagi mengembalikan mereka ke pangkal jalan, sudah pasti ia amat dialu-alukan oleh semua pihak. Sememangnya bukan mudah untuk mewujudkan pusat sedemikian kerana ia bukan sahaja melibatkan banyak prosedur pentadbiran, malah kemungkinan juga campur tangan penggubal undang-undang. Faktor kos juga berkemungkinan akan melambatkan proses merealisasikan penubuhan pusat ini. Namun demikian, penulis merasakan adalah tidak wajar untuk mengenyepikan saranan ini atas alasan yang dinyatakan di atas kerana masalah mak nyah ini sudah semakin menular ke dalam masyarakat yang boleh dikatakan sebagai perkara “bukan biasa” yang jika tidak disegerakan penyelesaiannya, akan dianggap sebagai perkara biasa yang sudah menjadi lumrah kehidupan masyarakat di Malaysia ini.

Pegawai tersebut juga menyarankan agar jenayah syariah ini dinaikkan tarafnya menjadi kesalahan boleh tangkap iaitu kesalahan yang membenarkan tangkapan dibuat tanpa waran⁷. Ini adalah kerana agak meremehkan untuk mendapatkan waran penangkapan setiap kali serbuan hendak dibuat kerana ia boleh menjejaskan operasi apabila para mak nyah ini tidak mempamerkan sebarang tindakan untuk menjual maruah, sebaliknya hanya duduk bersosial sesama mereka sahaja apabila maklumat serbuan sampai ke pengetahuan mereka. Sehubungan dengan itu juga penulis dimaklumkan bahawa sejak kebelakangan ini tangkapan bagi pondan per se tidak langsung dibuat tetapi pihak Jabatan Agama Islam Negeri Perak telah bekerjasama dengan pihak Imigresen bagi membanteras gejala pondan dalam kalangan bukan warganegara.

Responden seterusnya yang ditemu bual adalah Ketua Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan memberitahu bahawa tiada hukuman penjara yang dikenakan kepada pondan-pondan yang ditangkap di bawah seksyen 66 Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Sembilan 1992 kecuali jika mereka tidak mampu untuk membayar denda. Beliau amat percaya pihak sekolah memainkan peranan yang agak penting selain daripada ibu bapa dalam menghalang gejala pondan ini. Pada pendapatnya, sekolah-sekolah perlu mengadakan satu kurikulum khas bagi menjalankan program untuk murid-murid sekolah yang dikenal pasti boleh terjerumus untuk menjadi pondan ini. Program-program seumpama ini boleh dijalankan secara bersepadu dengan Jabatan Agama Islam di setiap negeri supaya pengisiannya dapat menyedarkan para pelajar betapa pertukaran jantina ini adalah sesuatu yang haram di sisi agama dan sama sekali tidak diredhai Allah SWT.

Penolong Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Jabatan Agama Islam Negeri Johor berpendapat operasi berkaitan pondan di Johor yang termaktub dalam Seksyen 28 Enakmen Kesalahan Jenayah Negeri Johor 1997 mungkin boleh menjadi hambar

kerana peruntukan dalam seksyen tersebut mensyaratkan mana-mana lelaki yang berpakaian wanita itu mestilah melakukannya di tempat awam atas tujuan tidak bermoral. Syarat-syarat ini dikatakan boleh disalahgunakan oleh para pondan kerana sekiranya mereka berpakaian seperti wanita tetapi pergi bekerja sebagai pelayan restoran tanpa melakukan sebarang perbuatan tidak bermoral, mereka boleh terlepas daripada tindakan di bawah peruntukan Seksyen 28 tersebut. Pegawai berkenaan juga mengatakan bahawa jika boleh pun dikenakan tindakan di bawah Seksyen 35 enakmen yang sama iaitu tindakan yang menggalakkan maksiat, tiada definisi yang jelas dan spesifik tentang maksud “maksiat” itu. Pihak mereka juga berhadapan dengan masalah saksi yang tidak hadir jika pendakwaan dibuat serta kekurangan anggota yang berkelayakan dalam menjalankan tugas penguatkuasaan.

Masalah kekurangan anggota juga dialami oleh pihak Jabatan Agama Islam Negeri Kelantan. Penolong Pengarah Kanan (Siasatan) jabatan tersebut mengatakan operasi menangkap pondan di Kelantan selalunya dilakukan apabila terdapat maklumat dari orang ramai yang terdapatnya majlis keramaian yang dianjurkan oleh para pondan ini. Masalah timbul apabila terdapat kekurangan anggota yang boleh menguatkuasakan operasi berkenaan di samping masalah-masalah lain seperti kekurangan kelengkapan dan fasiliti termasuklah kebajikan staf yang tidak diambil berat. Negeri Kelantan mengguna pakai Seksyen 7 Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2002 bagi sebarang kes mengenai pondan.

Di Perlis pula, undang-undang yang terpakai ialah Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991 di bawah Seksyen 7. Walau bagaimanapun, Pegawai Hal Ehwal Islam (Pendakwaan) di Jabatan Agama Islam Negeri Perlis menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah dalam mendakwa para pondan di negeri tersebut kerana kesalahan berpakaian seperti perempuan ini memang merupakan kesalahan boleh tangkap seperti yang termaktub dalam Seksyen 7 tersebut. Masalah wanita berperwatakan seperti lelaki juga telah jelas diperuntukan di bawah

Seksyen 7(2); namun terdapat pula masalah kerana tiada definisi jelas tentang apa yang dimaksudkan dengan “berlagak seperti lelaki” seperti yang ada dalam seksyen berkenaan.

- (1) *Mana-mana orang lelaki yang berlagak seperti perempuan (tasyabbuh) di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*
- (2) *Mana-mana orang perempuan yang berlagak seperti lelaki (tasyabbuh) di mana-mana tempat awam adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.*

Saranan Solusi dari Sudut Perundangan

Terdapat banyak kajian mengenai transeksual ini memberi pelbagai saranan dari pelbagai perspektif, antaranya penambahbaikan kepada peranan-peranan yang diberi oleh ibu bapa, sekolah, institusi pengajian tinggi, kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkaitan, Jabatan Agama Islam setiap negeri dan organisasi bukan kerajaan. Skop penulisan ini adalah untuk memberi saranan melalui peruntukan undang-undang seperti berikut:

(a) Sekatan Undang-undang untuk Menjalani Pembedahan Perubahan Jantina

Parlimen mahupun Dewan Perundangan Negeri selaku penggubal undang-undang bertulis Malaysia perlu mempertimbangkan dan seterusnya meminda dan meluluskan undang-undang baru berkaitan dengan hak untuk menjalani pembedahan perubahan jantina. Penulis berpendapat bahawa hak untuk menjalani pembedahan tersebut hanya dibenarkan kepada golongan dwi jantina atau khunsa sahaja dan bukannya golongan lelaki tulen yang hanya mengikut kehendak naluri untuk berbuat demikian.

Penulis difahamkan terdapat beberapa buah hospital swasta di sekitar ibu negara, dengan tanpa rasa bertanggungjawab meraih ganjaran yang lumayan dengan membenarkan golongan lelaki tulen ini menjalani pembedahan transeksual.

Gejala pembedahan transeksual ini, dahulunya hanya boleh dilakukan di Thailand dan Singapura sahaja tetapi ia telah mula menular ke Malaysia. Ini secara tidak langsung menggalakkan lebih ramai lelaki tulen yang menghadapi krisis identiti meneruskan niat mereka dan menjadikannya satu kenyataan untuk mengubah jantina dan identiti mereka. Oleh itu pihak Kementerian Kesihatan perlu diberi kuasa di bawah peruntukan perundangan bertulis bagi menjadi pemantau dalam aktiviti pembedahan jantina supaya ia tidak boleh langsung melibatkan golongan selain khunsa. Jika ada mana-mana pihak yang didapati terlibat bersubahat, mereka bolehlah dikenakan tindakan di bawah perundangan tersebut. Ini bermakna, undang-undang berkenaan bukan sahaja mengenakan tindakan terhadap golongan selain khunsa, tetapi pihak yang bertanggungjawab dalam pembedahan tersebut semestinya dikenakan tindakan yang jauh lebih berat daripada pihak yang berniat menukar jantina itu. Manakala Fatwa yang dikeluarkan oleh Majlis Raja-Raja pada 1983 yang dinyatakan sebelum ini perlu diperuntukkan di dalam Enakmen Syariah dan juga undang-undang sivil untuk mengelakkan masalah bidang kuasa mahkamah-mahkamah yang terlibat.

(b) Perundangan Kecil yang Lebih Teliti dan Spesifik

Dalam melaksanakan objektif sesuatu akta yang diluluskan oleh Parlimen, perundangan kecil diwujudkan bagi memberi perincian bagaimana peruntukan akta tersebut boleh dilaksanakan mengikut kesesuaian sesuatu organisasi atau agensi. Dalam menangani masalah transeksual ini, Kementerian Pendidikan perlu mewajibkan satu ujian

kecergasan fizikal atau “fitness” khas untuk pelajar lelaki bermula dari ketika mereka di tahun lima lagi. Ujian yang dicadangkan mestilah berstatus ujian rasmi di peringkat nasional sepertimana peperiksaan awam yang lain contohnya UPSR, PMR dan SPM. Apa yang berbeza ialah program ujian ini lebih berbentuk kepada ujian jasmani yang seakan-akan Program Khidmat Negara. Menerusi program ini, setiap pelajar lelaki yang terpilih perlu menjalani beberapa ujian kecergasan yang tidak terlalu menekan dan berpatutan dengan usia mereka. Setiap pelajar diwajibkan lulus ujian tersebut dan bagi pelajar yang gagal, akan diserapkan ke bengkel pemantapan jati diri. Jika cadangan ini dilaksanakan, ianya jelas menunjukkan keseriusan pihak kerajaan untuk membendung gejala transeksual bermula dari peringkat awal lagi. Kerana dengan ini kita dapat mengenal pasti murid atau pelajar yang bermasalah dan merawat mereka dari awal.

Teknik dan pendekatan ini perlu diteruskan di Institusi-institusi Pengajian Tinggi juga, kerana pertambahan jumlah lelaki lembut di Institusi-institusi Pengajian Tinggi semakin membimbangkan. Perlu diingatkan di sini bahawa jika saranan ini dijadikan undang-undang, sebarang ketidakpatuhan boleh dikenakan tindakan mengikut peruntukan undang-undang. Oleh yang sedemikian, ia mempunyai elemen paksaan ke atas semua pihak yang terlibat dalam sistem pendidikan negara, sama ada sekolah, institusi pengajian tinggi mahupun Jabatan Pendidikan Negeri untuk memandag serius perkara ini.

(c) Pindaan Undang-undang Syariah

Peruntukan undang-undang syariah di dalam enakmen-enakmen negeri hendaklah diperketatkan atau ditambah bagi memberi peruntukan kepada perkara-perkara di bawah: -

- i. Kesalahan jenayah syariah seumpama berpakaian seperti perempuan ini

dinaikkan tarafnya menjadi kesalahan boleh tangkap iaitu penangkapan yang tidak memerlukan waran tangkapan. Ini amat diperlukan oleh mereka yang bertanggungjawab menguatkuasakan peruntukan dalam enakmen jenayah syariah kerana proses mendapatkan waran tangkapan itu mungkin boleh menjejaskan operasi menghalang pondan-pondan ini daripada berleluasa. Sebagai contoh, seksyen 18 Enakmen Tatacara Jenayah (Syariah) Negeri Melaka 2002 hanya memberi kuasa kepada pegawai yang berkenaan untuk membuat tangkapan untuk kesalahan boleh tangkap namun kesalahan di bawah seksyen 72 (Lelaki berlagak sebagai perempuan) merupakan kesalahan tak boleh tangkap kerana denda yang boleh dikenakan ialah RM1,000.00 dan penjara kurang daripada setahun⁸. Oleh itu, penaiktarafan kesalahan ini boleh memotivasikan para pegawai untuk menjalankan tanggungjawab mereka dengan lebih berkesan lagi demi membanteras gejala pondan ini.

- ii. Penubuhan Pusat Pemulihan Pondan juga perlu dimaktubkan dalam perundangan supaya ia menjadi mandatori bagi setiap negeri untuk mewujudkannya. Ia amat relevan kerana setelah didakwa dan disabitkan kesalahan, pusat ini merupakan destinasi seterusnya para pondan selain daripada hukuman denda. Penulis ingin mencadangkan agar hukuman penjara hanya dijatuhkan apabila pesalah pondan ini ditangkap buat kali ketiga tanpa sebarang perubahan. Daripada pengamatan penulis, peruntukan mengenai pusat pemulihan ada yang sudah termaktub dalam beberapa enakmen kesalahan syariah negeri di Malaysia tetapi bukan semua negeri mempunyai peruntukan sedemikian. Negeri-negeri yang mempunyai peruntukan tersebut adalah

Selangor (Seksyen 53), Terengganu (Seksyen 66), Sarawak (Seksyen 51), Johor (Seksyen 54) serta Pulau Pinang (Seksyen 54). Namun, pusat pemulihan yang telah ditubuhkan di bawah peruntukan tersebut hanyalah pusat pemulihan akidah bagi mereka yang mengamalkan ajaran sesat ataupun murtad. Setakat ini telah wujud dua buah pusat pemulihan akidah masing-masing di Selangor dan Negeri Sembilan tetapi kedua-duanya di bawah pengurusan pihak yang berbeza. Negeri Johor pula dijadual akan mewujudkan sebuah pusat pemulihan akidah pada tahun 2012 ini manakala negeri Sabah pula sepatutnya telah pun mempunyai sebuah di Kinarut pada pertengahan tahun 2011 lepas. Apa yang ingin penulis cadangkan di sini ialah pusat pemulihan bagi pondan-pondan juga mesti diwujudkan di bawah peruntukan yang terdapat dalam enakmen syariah setiap negeri, tetapi pembikinannya mestilah satu yang mandatori bukannya bersifat direktori. Apa-apa yang bukan mandatori mempunyai intonasi budi bicara sahaja dan ini mungkin menampakkan hasrat yang tidak serius dalam menubuhkan pusat pemulihan ini. Semasa berada di dalam Pusat Pemulihan Pondan ini, peserta diwajibkan menjalani sesi kaunseling dan diberikan didikan agama oleh pegawai Jabatan Agama Islam sendiri dan kerjasama juga diperlukan dari Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan untuk melengkapkan latihan fizikal atau 'fitness' kepada golongan ini agar cenderung kepada cara dan gaya hidup lelaki sebenar.

- iii. Jumlah denda yang diperuntukkan dalam enakmen syariah adalah amat rendah berbanding dengan kesalahan menyerupai perempuan yang dilakukan oleh pondan-pondan. Disebabkan kemungkinan ia tidak

berbayar adalah rendah, penulis mencadangkan agar jumlah tersebut dinaikkan sekurang-kurangnya dua kali ganda. Jangka masa untuk hukuman penjara juga perlu ditambah bagi menanam rasa takut dalam kalangan pesalah agar tidak melakukan kesalahan yang dimaksudkan ini.

(d) Pindaan Undang-undang Sivil / Jenayah

- i. Bagi pondan yang bukan Islam, peruntukan di bawah Akta Kesalahan Kecil 1955 (Akta 336) adalah asas untuk mengenakan tindakan disebabkan perbuatan tidak sopan di khalayak ramai di bawah seksyen 21. Denda di bawah seksyen ini amatlah minimal iaitu RM25.00 jika sabit kesalahan dan jika sabit kesalahan bagi kali kedua, dendanya ialah kurang daripada RM100.00 dan penjara tidak melebihi 14 hari. Secara peribadi, penulis merasakan peruntukan ini sesuatu yang boleh menjadi bahan tawa dan senda banyak pihak, sama ada pondan yang dikenakan tindakan mahupun para pengamal undang-undang. Oleh yang demikian, dicadangkan agar Akta 336 ini memansuhkan sahaja peruntukan tersebut dan sebagai gantinya, diadakan satu akta spesifik bagi menangani masalah pondan ini.
- ii. Memasukkan satu peruntukan spesifik dalam Kanun Keseksaan juga adalah merupakan langkah yang bijak kerana bidang kuasa di bawah undang-undang tersebut adalah lebih meluas. Konflik seperti isu rogol dan khalwat yang melibatkan pondan ini boleh diselesaikan dengan adanya peruntukan yang jelas bagi menyelesaikan konflik yang dimaksudkan itu. Tafsiran yang lebih jelas dan tepat perlu, contohnya bagi maksud “perempuan” untuk jenayah rogol, kerana sekiranya undang-undang kita mengambil pendekatan yang lebih tegas dan ketat, kedua-dua pihak yang terlibat dalam jenayah berkenaan mesti dikenakan tindakan undang-undang.
- iii. Negara kita juga perlu membendung gerakan kumpulan-kumpulan yang terlampau lantang memperjuangkan hak asasi manusia dalam segala hal termasuklah kebebasan memilih jantina. Rata-rata kita boleh lihat bagaimana kumpulan yang memperjuangkan LGBT (*Lesbian, Gay, Bisexual and Transgender*) ini tumbuh bagai cendawan bukan sahaja di negara luar, malah di Malaysia ini sendiri. Walaupun Malaysia masih mempunyai pendirian konservatif dalam hal ini, tetapi dikhuatiri desakan mereka boleh mengundang spekulasi tidak diingini dari sudut perundangan. New Zealand adalah di antara negara yang mengiktiraf perkahwinan sesama jenis bagi menjelaskan hak serta kedudukan pasangan yang berkahwin itu sama seperti perkahwinan heteroseksual. Di Amerika Syarikat pula, walaupun Kerajaan Persekutuan menentang perkahwinan sesama jenis, ia telah diiktiraf dalam beberapa negeri di sana, antaranya, Connecticut, Iowa, New York, Washington DC dan baru-baru ini, New Jersey (17 Februari 2012). Parlimen di Australia pula telah memperkenalkan dua rang undang-undang pada 13 Februari 2012 yang mempunyai objektif yang sama iaitu untuk menghapuskan pengharaman terhadap perkahwinan sesama jenis di negara berkenaan. Walaupun United Kingdom belum mempunyai undang-undang mengenai perkahwinan sejenis ini, namun negara tersebut telah lama mengiktiraf perkongsian sivil sesama jenis dan terdapat laporan yang mengatakan ia akan menggubal undang-undang mengenai perkara ini sebelum tahun 2015⁹. Dari sudut Konvensyen Antarabangsa pula, penulis

mendapati ramai pasangan sesama jenis mengambil pendekatan untuk mendapat pengiktirafan di negara-negara yang mengiktiraf hubungan sejenis melalui pengaplikasian konvensyen-konvensyen yang dimeterai di peringkat kebangsaan. Rakyat Malaysia juga tidak terkecuali apabila terdapat banyak kisah mengenai rakyat kita yang lari ke luar negara untuk menukar jantina dan seterusnya berkahwin dengan pasangan mereka di negara lain. Terkini, kisah pelajar perubatan kita di Ireland yang ceritanya tersebar luas di media masa dan elektronik¹⁰. Antara konvensyen yang mengiktiraf perhubungan sejenis ini termasuklah *Hague Convention on Celebration and Recognition on the Validity of Marriages 1978*, *International Commission on Civil Status 2007* dan *Yogyakarta Principles on the Application of Human Rights Law in Relation to Sexual Orientation and Gender Identity (March 2007)*. Oleh itu, penulis ingin mendesak agar Malaysia meluluskan sebuah perundangan spesifik bagi mengharamkan sebarang jenis tekanan dan desakan untuk mengiktiraf hak-hak yang di luar tabii kejadian manusia normal yang dijadikan Allah SWT. Dengan adanya halangan seperti yang disarankan ini, penulis amat percaya ia akan menjadi alat pencegahan yang berkesan untuk membendung gejala mak nyah dan pondan ini daripada terus menjadi titik hitam yang mendorong generasi manusia masa kini ke kancah dosa yang tidak bertepian.

Kesimpulan

Sesungguhnya memang banyak faktor yang menyumbang kepada gejala ini dari faktor dalaman dan luaran yang lain. Namun disebabkan peruntukan undang-undang sedia ada amat ringan dan longgar, proses penguatkuasaan seolah-olah diambil ringan tanpa usaha yang serius. Melalui temu bual, jumlah bagi kesalahan

di bawah Seksyen 72 adalah tangkapan yang terendah sekali di negeri Melaka. Ini sudah tentu bukan petunjuk bahawa pesalah-pesalah ke atas kesalahan di bawah Seksyen 72 ini tidak ramai dan masih terkawal. Malah pihak Jabatan Agama Islam sendiri mengakui bahawa gejala ini sukar untuk diatasi disusuli dengan pelbagai kelemahan teknikal.

Kita mungkin masih boleh menarik nafas lega melalui peruntukan perundangan yang mentadbir perkahwinan sama ada Islam dan bukan Islam, terdapat peruntukan bahawa adalah menjadi syarat utama pasangan itu mestilah masing-masing dalam kalangan lelaki dan perempuan untuk menjadikan ia suatu perkahwinan yang sah. Manakala hukuman atas perbuatan atau kesalahan liwat juga diperuntukkan di dalam Kanun Keseksaan dan kesalahan syariah. Namun demikian kita perlu ingat, peruntukan-peruntukan ini juga ada di negara-negara barat tetapi disebabkan isu transeksual tidak dianggap sebagai satu kesalahan jenayah, jumlah golongan ini semakin hari semakin ramai dan tidak langsung dibendung. Akibatnya mereka ini mewujudkan persatuan dan bersatu hati menuntut hak sama rata untuk menjalani kehidupan termasuklah hak untuk berkahwin dan melakukan hubungan seks sesama jenis. Perjuangan mereka jelas boleh dilihat apabila mereka mempersoalkan hak mereka melalui Konvensyen Eropah iaitu di dalam perkara 8, berkenaan hak untuk kehidupan bersendirian dan di dalam perkara 18 berkenaan tugas untuk memastikan hak-hak dalam konvensyen ini dinikmati tanpa sebarang diskriminasi begitu juga mereka mempersoalkan diskriminasi jantina di bawah Seksyen 1 atau Seksyen 29 Akta Diskriminasi Seks 1975. Walaupun mahkamah pada tahun 90an agak keberatan mempertimbangkan hak mereka dengan menyatakan tiada wujud sebarang diskriminasi melalui peruntukan-peruntukan yang disebutkan tadi, tetapi golongan ini terus memperjuangkan hak mereka hingga ke European Courts of Human Right. Golongan transeksual di New Zealand pula, ini juga turut memperjuangkan hak mereka melalui New Zealand Bill of Rights Act 1990,

para hakim di negara tersebut akibat tekanan berkenaan tuntutan hak sama rata oleh golongan ini, bermula pada tahun 1995, mula cenderung membuat keputusan seolah-olah memberi ruang kepada perkahwinan sesama seks. Ini berlaku kerana mahkamah berpendapat penekanan terhadap aspek-aspek sosial psikologi lebih penting daripada aktiviti seksual itu sendiri dalam menentukan sesuatu perkahwinan itu sah atau tidak.

Oleh yang demikian bolehlah disimpulkan bahawa pertambahan jumlah golongan transeksual ini mampu mengubah corak kehidupan manusia yang normal dan bertamadun kepada satu corak yang merosakkan dan menjijikkan. Telah banyak negara di barat yang mengiktiraf perkahwinan sesama jenis dan penulis tidak dapat membayangkan sekiranya hak itu juga dituntut untuk diiktiraf di negara kita sendiri atas nama hak asasi manusia. Gejala sosial ini bukan sahaja melibatkan mereka dalam kalangan remaja yang terbiar malah golongan berada dan juga golongan profesional

turut sama terlibat. Penulis menyeru agar semua pihak memainkan peranan masing-masing secara serius dan tanpa melengahkan masa memikirkan untuk menggubal undang-undang baru bagi menangani gejala sosial yang semakin subur bagai cendawan tumbuh ini, sebelum Allah SWT menurunkan bala seperti kaum di zaman Nabi Luth.

Rujukan

- Al Qardawi Yusuf. (1997). *The Lawful and the Curzon L.B 1979 Prohibited in Islam-al halal wal haram fil Islam*. USA: American Trust Publication.
- Al Zuhaili, Wahbah. (1997). *Fiqh dan Perundangan Islam*. Jilid VI. Terj. Dr Ahmad Shahbari Salamon. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Akta Kesalahan Kecil 1955.
- Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

-
- 1 Dr Mohd Ismail bin Mohd Tambi, Ketua Klinik Pakar Pusat Kepakaran Reproduksi Manusia, Lembaga Penduduk dan Pembangunan Negara (LPPKN), Majalah Massa edisi Ogos 2001.
 - 2 ibid
 - 3 Seksyen 21 Akta Kesalahan Kecil 1955
 - 4 Kajian dibuat oleh penerbit Raja Azmi sebelum beliau memulakan projek filemnya "Dalam Botol".
 - 5 Peraturan-peraturan Pendaftaran Negara 1990
 - 6 Sila rujuk juga seksyen 28 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559) dan Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah Negeri Johor 1997 di mana kedua-duanya memperuntukkan; "... denda tidak lebih dari RM 1,000.00 atau dipenjarakan selama tempoh tidak lebih dari satu tahun atau lebih."
 - 7 Lihat Enakmen Tatacara Jenayah Syariah di setiap negeri.
 - 8 Kesalahan boleh tangkap" ertinya sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh satu tahun atau lebih yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis boleh menangkap tanpa waran; "kesalahan tak boleh tangkap" ertinya sesuatu kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama tempoh kurang daripada satu tahun atau dengan denda sahaja yang baginya pada lazimnya Pegawai Penguatkuasa Agama atau pegawai polis tidak boleh menangkap tanpa waran; - seksyen 2 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah Negeri Melaka 2003.
 - 9 <http://www.lifesitenews.com> (19 September 2011)
 - 10 Kisah Ariff Alfian (Utusan Malaysia, 13 Disember 2011). Terdapat juga kisah-kisah lain seperti Khartini Slamah, seorang mak nyah yang juga merupakan penyelaras Jaringan Pekerja Seks Asia Pasifik di Malaysia, Fatin Min Bahari (Muhammad Fazdil Min Bahari) yang berkahwin dengan lelaki berbangsa Inggeris di United Kingdom pada tahun 2009, Aleesha Farhana (Mohd Ashraff Hafiz bin Abd Aziz) yang memohon membuat pertukaran namanya.

- Andrew S. B. (1998). Same Sex Marriage and Discrimination. *New Zealand Law Journal June, 229*
- Andrew Calimach. (2000). World History of Male Love, "Homosexuals Traditions", The Two Spirit Tradition.
- Berita Harian Keluaran 13hb. Mac, 2002.
- Curzon L. B. (1979). *A Dictionary of Law*. Mc Donald & Evans Ltd.
- Enakmen Kanun Jenayah Syariah Kelantan 2002.
- Enakmen Jenayah (Syariah) Perak 1992.
- Enakmen Kesalahan Syariah Negeri Melaka 1991.
- Enakmen Jenayah (Syariah) Negeri Sembilan 1992.
- Enakmen Jenayah Dalam Syarak 1991.
- H. Idris Ahmad S, H. (1995). *Fiqh SYAFII Jilid II*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara Sdn. Bhd.
- Kamus Dewan Edisi Kedua. (1998).
- Kamus Oxford Learner's Fifth Edition. (1995).
- Liau Y-Sing. (2007). Malaysia's Muslim Transsexuals Battle Sex Change Woes, *Reuters*, 03/09/2007
- Majalah Wanita, Keluaran Disember 2003.
- Massa Edisi Ogos 2001.
- Max Planck Encyclopedia of Public International Law, <http://international.lawobserver.eu>, diakses 27 Jan 2012.
- Metro Keluaran 20 Julai 2003.
- Michael O'Flaherty & John Fisher. (2008). Sexual Orientation, Gender Identity and International Human Rights Law: Contextualising the Yogyakarta Principles, *Human Rights Law Review*.
- Muhd. Taha Suhaimi. (1990). *Hukum Perkahwinan dalam Islam*. Singapura: Da'wah Percetakan Publishing.
- Noraini Abd Razak. (2011). *Tuntutan Dunia Lelaki Jambu*, Utusan Malaysia, 02/01/2011.
- Paizah Hj. Ismail. (1996). *Undang-undang Jenayah Islam*. Petaling Jaya: Dewan Pustaka Islam.
- Shamsudin Sohor. (1994). *Panduan Ringkas Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tafsir Pimpinan Al Rahman kepada Pengertian AL QURAN.
- Tan C. H. (1991). Transsexuals and the Law of Marriage in Singapore. Singapore, *Journals of Legal Studies*.
- Transeksual Menurut Perspektif Undang-undang diakses dari, <http://syafiqe.wordpress.com/2008/03/19/transeksual-menurut-perspektif-perundangan-di-malaysia/>, pada 27 Jan 2012.
- Utusan Malaysia Keluaran 15hb. Mei, 2001.